# PANDUAN
# SOLAT SUNAT TARAWIH


**Disediakan oleh**

Datuk Hj. Mohamad Shahir bin Hj. Abdullah

**Disemak oleh**

Datuk Hj. Ahmad Shahir bin Hj. Daud
Tan Sri Syaikh Ismail bin Muhammad



جابتن كماجوان اسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

© JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
www. islam. gov. my

Cetakan ke-16 2007
Cetakan ke-17 2009

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

**Reka Bentuk**
Astaka Minda Solutions (No. 001619935-D)
NO. 23-0-23, Jalan 9/2A, Taman Wilayah
68100 Batu Caves Kuala Lumpur.
E-mail: wanibtisam@yahoo. com

**Dicetak Oleh**
Aslita Sdn. Bhd.
N0. 40, Jalan 4/10B Spring Crest Industrial Park
Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur.

# KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN ........ 01
2. PENJELASAN RINGKAS SOLAT SUNAT TARAWIH ........ 02

- Kelebihan Solat Sunat Tarawih ........ 02
- Hukum Solat Sunat Tarawih ........ 03
- Waktu Solat Sunat Tarawih ........ 03
- Rakaat Solat Sunat Tarawih ........ 03
- Lafaz Niat Solat Sunat Tarawih ........ 04
- Rukun Solat Sunat Tarawih ........ 04

3. KAIFIAT SOLAT SUNAT TARAWIH DUA PULUH RAKAAT ........ 05

- Bacaan Surah ........ 05
- Bacaan Sebelum Memulakan Solat Sunat Tarawih 06
- Solat Sunat Tarawih ........ 07
- Bacaan Doa ........ 22

4. SOLAT SUNAT WITIR ........ 24

- Lafaz Niat Solat Sunat Witir ........ 26
- Bacaan Qunut ........ 26
- Bacaan Surah ........ 27

5. TAHLIL SELEPAS SOLAT SUNAT WITIR 28

- Tambahan Bacaan ........ 28

6. KAIFIAT SOLAT SUNAT TARAWIH LAPAN RAKAAT ........ 29

- Kaifiat ........ 29
- Bacaan Doa ........ 32

7. SOLAT SUNAT WITIR ........ 33

- Kaifiat ........ 33
- Bacaan Surah Selepas *al-Fatihah* ........ 34
- Bacaan Qunut ........ 35
- Berzikir atau Bertahlil ........ 35

8. PENUTUP ........ 35

## PENDAHULUAN

Setiap tahun, seluruh umat Islam berpuasa pada bulan Ramadhan yang mulia dan selama itulah juga kita dapati di mana-mana sahaja dalam kelompok masyarakat Islam di Malaysia, memeriahkan malam-malam pada bulan yang mulia ini dengan ibadat solat sunat Tarawih, sunat Witir, tadarus al-Quran dan lain-lain amal kebajikan.

Sama-samalah kita menghidup dan memeriahkan malam-malam pada bulan Ramadhan yang mulia bagi tahun ini, dengan tujuan mencapai keredhaan Allah dan kelebihan beribadat di malam *"Lailatul Qadr*" seperti maksud firman Allah SWT pada ayat 3, surah *al-Qadr* yang bermaksud: "Malam Lailatul Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan yang lain."

Sabda Rasulullah SAW dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Muslim yang bererti: "Sesiapa yang mendirikan solat (Tarawih) pada malam bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan keikhlasan, maka Allah ampunkan segala dosanya yang telah lalu", Semoga risalah kecil ini membantu kita mengetahui atau mengulangi kembali cara solat sunat Tarawih dan Witir supaya kedatangan Ramadhan tahun ini lebih berguna dan bermanfaat untuk kita.

## PENJELASAN RINGKAS SOLAT SUNAT TARAWIH

### Kelebihan Solat Sunat Tarawih

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُوْلَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ قَامَ رَمَضَانَ اِيْمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَلَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

(رواه مسلم) .

Ertinya: *"Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesiapa*

*yang mendirikan solat (Tarawih) pada malam bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan keikhlasan, maka Allah ampunkan segala dosanya yang telah lalu."*

(Hadis riwayat Muslim)

## Hukum Solat Sunat Tarawih

Hukumnya sunat muakkad (yang sangat dituntut) dikerjakan oleh orang-orang Islam lelaki dan perempuan pada tiap-tiap malam bulan Ramadhan, sama ada secara berseorangan atau berjemaah.

Sunat dikerjakan di masjid, surau dan lain-lain tempat solat orang-orang Islam.

## Waktu Solat Sunat Tarawih

lalah selepas menunaikan solat fardu Isyak dan sunat ba'diah dua rakaat.

## Rakaat Solat Sunat Tarawih

Pada umumnya masyarakat Islam di Malaysia mendirikan solat sunat Tarawih sebanyak dua puluh rakaat, tetapi ada juga yang hanya menunaikan sekadar lapan rakaat sahaja.

Pada zaman Rasulullah SAW, solat Tarawih dikerjakan sebanyak lapan rakaat sahaja supaya tidak menimbulkan sesuatu keberatan. Walau bagaimanapun, terdapat juga hadis yang me riwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah mengerjakan sebanyak dua puluh rakaat.

Pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab RA, beliau melaksanakannya sebanyak dua puluh rakaat kerana beliau berpendapat bahawa orang-orang Islam pada zamannya itu tidak keberatan lagi menunaikan solat sebanyak itu.

Solat sunat Tarawih hendaklah ditunaikan dua rakaat pada tiap-tiap satu kali takbiratul ihram, kemudiannya dilakukan lagi sehingga genap rakaat yang dikehendaki.

## Lafaz Niat Solat Sunat Tarawih

أُصَلِّى سُنَّةَ التَّرَاوِيْحِ رَكْعَتَيْنِ مَأْمُوْمًا لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: "*Sahaja aku solat sunat Tarawih dua rakaat sebagai makmum kerana Allah Taala.*"

## Rukun Solat Sunat Tarawih

Rukun solat sunat Tarawih ini samalah dengan rukun solat yang lain juga.

## KAIFIAT SOLAT SUNAT TARAWIH DUA PULUH RAKAAT

### Bacaan Surah

Selepas membaca surah *al-Fatihah* pada tiap-tiap rakaat solat sunat Tarawih ini dibaca pula surah-surah yang tertentu:

a. Dari malam 1 hingga 15 Ramadhan, lazimnya pada tiap-tiap rakaat yang pertama dibaca satu surah yang bermula dari surah *at-Takathur* hingga surah *al-Lahab*. Susunan surah-surah adalah seperti berikut:

i. *Al-Takathur* ( التكاثر ) = أَلۡهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ...

ii. *Al-Asr* ( العصر ) = وَٱلۡعَصۡرِ ١ إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ ...

iii. *Al-Humazah* (الهمزة) = وَيۡلٞ لِّكُلِّ هُمَزَةٖ لُّمَزَةٍ ...

iv. *Al-Fil* ( الفيل ) =. أَلَمۡ تَرَ كَيۡفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصۡحَٰبِ ٱلۡفِيلِ

v. *Al-Quraisy* (القريش) = لِإِيلَٰفِ قُرَيْشٍ ...

vi. *Al-Ma'un* (الماعون) = أَرَءَيْتَ ٱلَّذِى يُكَذِّبُ بِٱلدِّينِ

vii. *Al-Kautsar* (الكوثر) = أَلْهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ ...

viii. *Al-Kafirun* (الكافرون) = قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ

ix. *An-Nasr* (النصر) = ... قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلنَّاسِ ﴿١﴾

x. *Al-Lahab* (اللهب) = تَبَّتْ يَدَآ أَبِى لَهَبٍ وَتَبَّ ...

Pada tiap-tiap rakaat yang kedua dibaca surah *al-lkhlas*:

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ...

b. Dari malam 16 hingga akhir Ramadhan, lazimnya pada tiap-tiap rakaat yang pertama dibaca surah *al-Qadr*. Pada tiap-tiap rakaat yang kedua dibaca satu surah seperti yang dibaca pada rakaat yang pertama bagi malam-malam 1 hingga 15 Ramadhan iaitu bermula dari surah *at-Takathur* hingga kepada surah *al-Lahab*.

**Bacaan Sebelum Memulakan Solat Sunat Tarawih:**

Bilal: سُبْحَانَ اللّٰه وَالْحَمْدُ للّٰه وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَاللّٰهُ اَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيْبِنَا وَشَفِيْعِنَا وَذُخْرِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: صَلَاةُ التَّرَاوِيْحِ مِنْ قِيَامِ شَهْرِ رَمَضَانَ اَثَابَكُمُ اللّٰهُ الصَّلَاةُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ

Jemaah: اَلصَّلاَةُ لاَ إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

**Solat Sunat Tarawih**

i. Memulakan solat sunat Tarawih dua rakaat (rakaat pertama dan kedua) dan setelah selesai:

Bilal: فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَنِعْمَةً

Jemaah:

وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً، لاَ إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ
لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٍ

Bilal: اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَلْبَدْرُ الْمُنِيْرُ مُحَمَّدٌ

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

ii. Menyambung solat sunat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat ketiga dan keempat) dan setelah selesai:

Bilal: سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْمَعْبُودِ

Jemaah:

سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْمَوْجُوْدِ ، سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْحَيِّ الَّذِى لاَ يَنَامُ وَلاَ يَمُوْتُ وَلاَ يَفُوْتُ اَبَدًا ، سُبُّوْحٌ قُدُّوْسٌ رَبُّنَا وَرَبُّ الْمَلاَئِكَةِ وَالرُّوْحِ، سُبْحَانَ اللّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَاللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Jemaah:

صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيْبِنَا وَشَفِيْعِنَا وَذُخْرِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ

Jemaah:

صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Imam membaca doa:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوْذُبِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيْمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدِيْنَا وَعَنْ جَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Bilal:

اَلْخَلِيْفَةُ الْاَوَّلُ اَمِيْرُ الْمُؤْمِنِيْنَ سَيِّدِنَا اَبُوْ بَكْرٍ الصِّدِّيْقِ

Jemaah: رَضِىَ اللّٰهُ عَنْهُ

iii. Menyambung solat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat kelima dan keenam) dan setelah selesai:

Bilal: فَضْلًا مِنَ اللّٰهِ وَنِعْمَةً

Jemaah:

وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً، لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَىْءٍ قَدِيْرٍ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَلْبَدْرُ الْمُنِيْرُ مُحَمَّدٌ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

iv. Menyambung solat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat ketujuh dan kelapan) dan setelah selesai:

Bilal: سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْمَعْبُودِ

Jemaah:

سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْمَوْجُوْدِ ، سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْحَيِّ الَّذِى لَا يَنَامُ وَلَا يَمُوْتُ وَلَا يَفُوْتُ اَبَدًا ، سُبُّوْحٌ قُدُّوْسٌ رَبُّنَا وَرَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوْحِ، سُبْحَانَ اللّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَاللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيْبِنَا وَشَفِيْعِنَا وَذُخْرِنَا وَمَوْلاَنَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Imam membaca doa:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

اَللَّهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوْذُبِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اَللَّهُمَّ اِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيْمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدِيْنَا وَعَنْ جَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Bilal:

اَلْخَلِيْفَةُ الثَّانِى اَمِيْرُ الْمُؤْمِنِيْنَ سَيِّدُنَا عُمَرُ بْنِ الْخَطَّابِ

Jemaah: رَضِىَ اللّٰهُ عَنْهُ

v. Menyambung solat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat kesembilan dan kesepuluh) dan setelah selesai:

Bilal: فَضْلًا مِنَ اللّٰهِ وَنِعْمَةً

Jemaah:

وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً، لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٍ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَلْبَدْرُ الْمُنِيْرُ مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

vi. Menyambung solat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat kesebelas dan kedua belas) dan setelah selesai:

Bilal: سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْمَعْبُودِ

Jemaah:

سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْمَوْجُوْدِ ، سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْحَيِّ الَّذِى لَا يَنَامُ وَلَا يَمُوْتُ وَلَا يَفُوْتُ اَبَدًا ، سُبُّوْحٌ قُدُّوْسٌ رَبُّنَا وَرَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوْحِ، سُبْحَانَ اللّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَاللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal:

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيْبِنَا وَشَفِيْعِنَا وَذُخْرِنَا وَمَوْلاَنَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Imam membaca doa:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

اَللَّهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوْذُبِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اَللَّهُمَّ اِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيْمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدِيْنَا وَعَنْ جَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Bilal:

اَلْخَلِيْفَةُ الثَّالِثُ اَمِيْرُ الْمُؤْمِنِيْنَ سَيِّدُنَا عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ

Jemaah: رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ.

vii. Menyambung solat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat ketiga belas dan keempat belas) dan setelah selesai:

Bilal: فَضْلًا مِنَ اللّٰهِ وَنِعْمَةً.

Jemaah:

وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً، لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ
لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٍ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَلْبَدْرُ الْمُنِيْرُ مُحَمَّدٌ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

viii. Menyambung solat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat kelima belas dan keenam belas) dan setelah selesai:

Bilal: سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْمَعْبُودِ

Jemaah:

سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْمَوْجُوْدِ ، سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْحَيِّ الَّذِى لاَ يَنَامُ وَلاَ يَمُوْتُ وَلاَ يَفُوْتُ ابَدًا ، سُبُّوْحٌ قُدُّوْسٌ رَبُّنَا وَرَبُّ الْمَلاَئِكَةِ وَالرُّوْحِ، سُبْحَانَ اللّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَاللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal:

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيْبِنَا وَشَفِيْعِنَا وَذُخْرِنَا وَمَوْلاَنَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Imam membaca doa:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

اَللَّهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوْذُبِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اَللَّهُمَّ اِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيْمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدِيْنَا وَعَنْ جَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Bilal:

اَلْخَلِيْفَةُ الرَّابِعُ اَمِيْرُ الْمُؤْمِنِيْنَ سَيِّدُنَا عَلِيُّ بْنِ أَبِى طَالِبٍ

Jemaah: كَرَّمَ اللَّهُ وَجْهَهُ.

ix. Menyambung solat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat ketujuh belas dan kelapan belas), dan setelah selesai:

Bilal: فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَنِعْمَةً

Jemaah:

وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ
لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٍ

Bilal: اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَلْبَدْرُ الْمُنِيْرُ مُحَمَّدٌ

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

x. Menyambung solat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat kesembilan belas dan kedua puluh) dan setelah selesai:

Bilal: سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْمَعْبُودِ

Jemaah:

سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْمَوْجُوْدِ ، سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْحَيِّ الَّذِى لَا يَنَامُ وَلَا يَمُوْتُ وَلَا يَفُوْتُ اَبَدًا ، سُبُّوْحٌ قُدُّوْسٌ رَبُّنَا وَرَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوْحِ، سُبْحَانَ اللّٰه وَالْحَمْدُ لِلّٰه وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَاللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal:

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيْبِنَا وَشَفِيْعِنَا وَذُخْرِنَا وَمَوْلاَنَا مُحَمَّدٍ.

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

**Bacaan Doa**

Imam membaca doa:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ اَلْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ، اَللَّهُمَّ اجْعَلْنَا بِالْإِيْمَانِ كَامِلِيْنَ، وَلِفَرَائِضِكَ مُؤَدِّيْنَ، وَلِلصَّلاَةِ حَافِظِيْنَ، وَلِلزَّكَاةِ فَاعِلِيْنَ، وَلِمَا عِنْدَكَ طَالِبِيْنَ، وَلِعَفْوِكَ رَاجِيْنَ وَبِالْهُدَى مُتَمَسِّكِيْنَ، وَعَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضِيْنَ، وَفِى الدُّنْيَا زَاهِدِيْنَ، وَفِى الْآخِرَةِ رَاغِبِيْنَ، وَبِالْقَضَاءِ رَاضِيْنَ، وَبِالنُّعَمَاءِ شَاكِرِيْنَ، وَعَلَى الْبَلاَيَا صَابِرِيْنَ، وَتَحْتَ لِوَاءِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ سَائِرِيْنَ، وَالِىَ الْحَوْضِ وَارِدِيْنَ، وَفِى الْجَنَّةِ دَاخِلِيْنَ، وَعَلَى سَرِيْرَةِ الْكَرَامَةِ قَاعِدِيْنَ، وَبِحُوْرٍ عِيْنٍ مُتَزَوِّجِيْنَ، وَمِنْ سُنْدُسٍ وَاِسْتَبْرَقٍ وَدِيْبَاجٍ مُتَلَبِّسِيْنَ وَمِنْ طَعَامِ الْجَنَّةِ آكِلِيْنَ، وَمِنْ لَبَنٍ وَعَسَلٍ مُصَفَّيْنِ شَارِبِيْنَ، بِاَكْوَابٍ وَاَبَارِيْقَ وَكَأْسٍ مِنْ مَعِيْنٍ، مَعَ الَّذِيْنَ اَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّيْنَ وَالصِّدِّيْقِيْنَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِيْنَ. اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنَا فِى هَذِهِ اللَّيْلَةِ الشَّهْرِ الشَّرِيْفَةِ الْمُبَارَكَةِ مِنَ السُّعَدَاءِ الْمَقْبُوْلِيْنَ، وَلَا تَجْعَلْنَا اَللّٰهُمَّ مِنَ الْاَشْقِيَاءِ الْمَرْدُوْدِيْنَ، اِلَهَنَا عَافِنَا وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرِ اللّٰهُمَّ لَنَا وَلِوَالِدِيْنَا وَلِاُمَّهَاتِنَا وَلِاِخْوَانِنَا وَلِاَخَوَاتِنَا وَلِاَزْوَاجِنَا وَلِاَهْلِيْنَا وَلِاَهْلِ بَيْتِنَا وَلِاَجْدَادِنَا وَلِجَدَّاتِنَا وَلِمَشَائِخِنَا وَلِمُعَلِّمِيْنَا وَلِجَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، وَاكْتُبِ اللّٰهُمَّ السَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَيْنَا

وَعَلَى عَبِيْدِكَ الْحُجَّاجِ وَالْغُزَاةِ وَالزُّوَّارِ وَالْمُسَافِرِيْنَ وَالْمُقِيْمِيْنَ فِى الْبَرِّ وَالْبَحْرِ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَقِنَا شَرَّ الظَّالِمِيْنَ، وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ، يَا مُجِيْبَ السَّائِلِيْنَ. وَاخْتِمْ لَنَا يَا رَبَّنَا مِنْكَ بِخَيْرٍ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ. وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى خَيْرِ خَلْقِهِ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

## SOLAT SUNAT WITIR

Menurut kebiasaan umum orang-orang Islam di Malaysia menunaikan solat sunat Witir selepas solat sunat Tarawih sebanyak tiga rakaat sahaja. Sunat Witir ini ditunaikan secara berjemaah. Salam selepas dua rakaat yang pertama, diikuti satu rakaat lagi dan salam.

Bilal memberitahu tentang solat sunat Witir yang akan dikerjakan selepas ini dengan menyebut:

اَوْتِرُوْا وَمَجِّدُوْا وَعَظِّمُوْا

(dan bagi malam-malam mulai 16 Ramadhan hingga akhir ditambah وَاقْنُتُوا

شَهْرَكُمْ شَهْرَ الصِّيَامِ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Jemaah: اَلصَّلَاةُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Bilal: اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal:

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيْبِنَا وَشَفِيْعِنَا وَذُخْرِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ

Jemaah: صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ

Bilal: صَلاَةُ الْوِتْرِ اَثَابَكُمُ اللَّهُ

Jemaah: الصَّلاَةُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.

**Lafaz Niat Solat Sunat Witir**

a. Bagi dua rakaat yang pertama:

أُصَلِّى سُنَّةَ الْوِتْرِ رَكْعَتَيْنِ مَأْمُوْمًا لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: *"Sahaja aku solat sunat Witir dua rakaat sebagai makmum kerana Allah Taala."*

b. Bagi rakaat yang akhir:

أُصَلِّى سُنَّةَ الْوِتْرِ رَكْعَةً مَأْمُوْمًا لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: *"Sahaja aku solat sunat Witir satu rakaat sebagai makmum kerana Allah Taala."*

**Bacaan Qunut**

Pada malam 16 hingga akhir bulan Ramadhan disunatkan membaca Qunut pada rakaat yang

akhir. Lafaznya samalah dengan lafaz Qunut solat Subuh.

**Bacaan Surah**

Selepas membaca surah *al-Fatihah* dalam tiap-tiap rakaat solat sunat Witir dibaca pula surah-surah berikut:

a. Rakaat pertama

Surah *al-A'la* سَبِّحِ ٱسْمَ رَبِّكَ ٱلْأَعْلَى ...

b. Rakaat kedua

Surah *al-Kafirun* قُلْ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلْكَـٰفِرُونَ ...

c. Rakaat yang akhir

i. Surah *al-lkhlas* قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ...

ii. Surah *al-Falaq* قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلْفَلَقِ ...

iii. Surah *an-Nas* قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلنَّاسِ ...

# TAHLIL SELEPAS SOLAT SUNAT WITIR

**Tambahan Bacaan**

a. Lazimnya dibaca:

i. يَا لَطِيْفُ يَا كَافِى، يَا حَفِيْظُ يَا شَافِى

(dua kali)

ii. يَا لَطِيْفُ يَا وَافِى يَا كَرِيْمُ اَنْتَ اللّٰهُ

iii. Zikir (tahlil) seberapa banyak yang disukai. «لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ»

b. Imam membaca doa:

آمِيْنَ، آمِيْنَ، بِجُوْدِكَ آمِيْنَ بِامْتِنَانِكَ آمِيْنَ، يَا خَيْرَ الْمَسْئُوْلِيْنَ يَا اَللّٰهُ، وَيَا رَاحِمَ الضُّعَفَاءِ وَالْفُقَرَاءِ وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِيْنَ. اَللّٰهُمَّ اعْتِقْ رِقَابَنَا وَرِقَابَ آبَائِنَا وَاُمَّهَاتِنَا وَاَجْدَادِنَا وَجَدَّاتِنَا مِنَ النَّارِ

اَجْمَعِيْنَ. وَتُبْ وَزَكِّ وَاعْفُ عَمَّنْ يَقُوْلُ آمِيْنَ، آمِيْنَ، آمِيْنَ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ، وَالْحَمْدُلِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

c. Ramai-ramai membaca *al-Fatihah*:

d. Imam menyambung doa yang kedua:

اَللَّهُمَّ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلاَتَنَا وَصِيَامَنَا وَقِيَامَنَا وَرُكُوْعَنَا وَسُجُوْدَنَا وَتَخَشُّعَنَا وَتَضَرُّعَنَا وَتَعَبُّدَنَا وَتَمِّمْ تَقْصِيْرَنَا يَا اَللَّهُ يَا اَللَّهُ يَا اَللَّهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

## KAIFIAT SOLAT SUNAT TARAWIH LAPAN RAKAAT

### Kaifiat

Di bawah ini diterangkan cara-cara menunaikan solat sunat Tarawih sebanyak lapan rakaat sepertimana yang diamalkan oleh setengah-setengah tempat di negara kita ini:

Bilal:

صَلَاةُ التَّرَاوِيْحِ مِنْ قِيَامِ رَمَضَانَ اَثَابَكُمُ اللّٰهُ

Jemaah: اَلصَّلَاةُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ

i. Memulakan solat Tarawih dua rakaat (rakaat pertama dan kedua)

Bacaan surah selepas *al-Fatihah*

a. Rakaat pertama:

Surah *al-Takathur* ( التكاثر )

b. Rakaat kedua:

Surah *al-Asr* ( العصر )

ii. Menyambung solat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat ketiga dan keempat)

Bacaan surah selepas *al-Fatihah*:

a. Rakaat pertama:

Surah *al-Humazah* ( الهمزة )

b. Rakaat kedua:

Surah *al-Fil* ( الفيل )

Selesai solat, imam berdoa:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

اَللَّهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوْذُبِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اَللَّهُمَّ اِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيْمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدِيْنَا وَلِجَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

iii. Menyambung solat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat kelima dan keenam)

Bacaan surah selepas *al-Fatihah*:

a. Rakaat pertama:

Surah *al-Quraisy* ( القريش )

b. Rakaat kedua:

Surah *al-Ma'un* ( الماعون )

iv. Menyambung solat Tarawih dua rakaat lagi (rakaat ketujuh dan kelapan)

Bacaan surah selepas *al-Fatihah*:

a. Rakaat pertama:

Surah *al-Kafirun* ( الكافرون )

b. Rakaat kedua:

Surah *an-Nasr* ( النصر )

**Bacaan Doa**

Selesai solat, Imam berdoa:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوْذُبِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيْمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدِيْنَا وَعَنْ جَمِيْعِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

# SOLAT SUNAT WITIR

## Kaifiat

Setelah kita selesai mengerjakan solat Tarawih sebanyak lapan rakaat diikuti pula dengan solat Witir sebanyak tiga rakaat.

Solat Witir ini dikerjakan dengan satu takbiratul ihram dan satu salam sahaja.

Lafaz niatnya:

أُصَلِّى سُنَّةَ الْوِتْرِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ مَأْمُوْمًا لِلّٰهِ تَعَالَى

Ertinya: “Sahaja aku solat sunat Witir tiga rakaat sebagai makmum kerana Allah Taala.”

Bagi solat Witir seperti ini tiada bacaan tasyahud (tahyat) awal.

**Bacaan Surah Selepas *al-Fatihah***

a. Rakaat pertama:

Surah *al-A’la* ( الأعلى )

b. Rakaat kedua:

Surah *al-Kafirun* ( الكافرون )

c. Rakaat ketiga:

i. Surah *al-lkhlas* ( الاخلاص )

ii. Surah *al-Falaq* ( الفلق )

iii. Surah *an-Nas* ( الناس )

### Bacaan Qunut

Mulai malam 16 Ramadhan kita disunatkan membaca Qunut. Lafaz Qunut samalah seperti solat Subuh. Jika tidak membaca Qunut disunatkan sujud sahwi.

### Berzikir atau Bertahlil

Seperti biasa selepas solat sunat Witir diadakan tahlil. Terdapat berbagai-bagai cara mengelolakan tahlil ini. Cara yang disebut di halaman 28 bolehlah diikuti daripada mula hingga akhir.

## PENUTUP

Demikianlah cara-cara yang ditunjukkan bagi memudahkan kita menunaikan solat sunat Tarawih dan sunat Witir untuk mencari keberkatan, kurniaan dan keampunan Allah SWT pada malam-malam bulan Ramadhan yang mulia ini dan terpulanglah kepada masing-masing untuk memilih dan mengikuti cara yang sesuai mengikut kemampuan dan keikhlasan diri sendiri.

Penentuan sesuatu surah seperti yang disebutkan, hanyalah untuk memudahkan kita mengingati bilangan rakaat sahaja dan kerana itu seseorang boleh membaca mana-mana surah atau ayat yang diingatnya. Begitu juga tentang peraturan berselawat antara rakaat–rakaat solat Tarawih kerana tujuannya adalah untuk menambahkan ibadah pada bulan yang mulia ini.

Apa yang dikehendaki ialah penyertaan seramai-ramainya daripada segenap masyarakat Islam dalam menunaikan solat sunat Tarawih dan Witir. Diharapkan, kedatangan bulan Ramadhan pada tahun ini akan lebih memberi manfaat dan faedah yang besar untuk kita semua.

*Amin Ya Rabbal'Alamin.*

**Peringatan**

Lafaz niat yang digunakan dalam risalah ini untuk makmum sahaja. Oleh itu perkataan “*Makmuman*” itu tukarlah kepada “*Imaman*” jika menjadi imam atau tidak mengikutnya jika solat seorang diri.